

CNS9397

U GB 06-11 00186 BH997

AAB

MALAYSIA TIDAK AKAN TUNDUK KEPADA TEKANAN
Mahathir - Sekat

KUALA LUMPUR, 6 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegaskan bahawa Malaysia tidak akan tunduk kepada tekanan negara-negara maju yang menggunakan pelbagai isu untuk menyekat pembangunannya,

+Tekad kita tetap tidak berganjak dan untuk itu kita harus memperkukuhkan perpaduan, menanam semangat cinta kepada bangsa dan tanah air dan berjuang lebih gigih lagi, +kata Perdana Menteri menerusi kata-kata aluannya di dalam buku laporan Tahunan UMNO yang dikeluarkan sempena Pet-himpunan Agung UMNO 1991 yang berlangsung di sini selama empat hari mulai esok.

Kata Perdana Menteri, isu alam sekitar telah dipergunakan negara-negara maju sebagai senjata untuk menyekat pembangunan Malaysia manakala isu kebebasan manusia pula dijadikan senjata untuk memaksa Malaysia tunduk kepada kekuasaan mereka.

+Kita di cemburu negara-negara maju yang lebih berminat menyadakan berbagai-bagai sekat terhadap barangan buatan kita dengan mendirikan blok-blok perdagangan, +ujar beliau.

Menurutnya, usaha Malaysia untuk menubuhkan Kumpulan Ekonomi Asia Timur (EAEG) cuba dikhianati sedangkan ia sekadar satu forum untuk bertukar-tukar fikiran, tidak sekali-kali merupakan blok ekonomi seperti yang dilakukan oleh Amerika dan Negara-negara EC. -- Lagi.

♥06/11/20-45MST

CNS9400

U GB 06-11 00137 BH998

AAB

Mahathir - Sekat 2 (Akhir) Kuala Lumpur

Beliau bersyukur kerana UMNO terus mantap dan dapat memainkan peranannya sebagai payung kepada bangsa Melayu dan tunggak harapan setiap rakyat di negara ini.

Beliau juga bersyukur kerana ekonomi negara kian kukuh, malah menjadi contoh satu-satunya negara membangun yang dinamis dan progresif.

Datuk Seri Dr Mahathir bagaimanapun mengingatkan bahawa negara dan bangsa kini sedang menghadapi satu tugas yang besar yang belum pernah terpikul pada masa-masa yang lalu iaitu tugas menghadapi cabaran meletakkan landasan-landasan yang kukuh demi mencapai matlamat Wawasan 2020.

Di samping itu, negara juga menghadapi cabaran tentang bagaimana pertumbuhan ekonomi itu dapat di pertahan dan dipertingkatkan, jelas beliau.

+Masalah-masalah dekad 90-an dan akan datang itu merupakan masalah yang kita hadapi bersama dengan negara-negara membangun yang lain, +katanya. -- Bernama.

♥06/11/20-47MST